

# ALAT PERANTI PENGGANTI BUAL BICARA

**ADAKAH** anda pernah melihat situasi sebegini, ibu bapa dan anak berada bersama-sama di kedai makan atau restoran, tetapi setiap orang memegang telefon bimbit masing-masing? Semuanya berfokus menaip telefon bimbit mereka dan ada yang tersenyum-senyum seorang diri tanpa diketahui puncanya.

JIKA ya, itulah kebanyakan senario masyarakat kita pada hari ini yang kebanyakannya sibuk bersama-sama alat peranti. Tidak kiralah anak kecil, remaja atau dewasa, semuanya sibuk dengan alat peranti masing-masing.

Ledakan teknologi yang kian berkembang pesat dari hari ke hari, sudah pastinya mencetuskan fenomena baharu kepada masyarakat hari ini. Jika dahulu, kebanyakan masa lapang yang ada khasnya pada waktu hujung minggu digunakan untuk berkomunikasi dan berkasih sayang antara keluarga, namun segalanya kian berubah mengikut peredaran zaman.

Kebanyakan ibu bapa, anak dan ahli keluarga sekarang lebih menggunakan telefon pintar sebagai saluran komunikasi untuk berinteraksi sesama sendiri walaupun berada di dalam rumah yang sama. Contohnya, jika seseorang itu berada di dalam bilik di tingkat bawah, mereka lebih gemar untuk berinteraksi menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) berbanding dengan secara bersemuka.

Komunikasi amatlah penting dan sebagai keperluan harian manusia dan pastinya kita tidak terlepas daripada komunikasi. Tidak ada manusia yang boleh

hidup tanpa adanya komunikasi. Melalui komunikasi inilah akan lahirnya hubungan antara manusia. Komunikasi merupakan proses penyampaian dan pemindahan maklumat daripada seseorang kepada seseorang yang lain.

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) merangsang perkembangan media yang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Rogers (1969) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses apabila kedua-dua pihak yang terlibat membentuk dan berkongsi antara satu sama lain dengan tujuan untuk mencapai kefahaman.

Perkembangan TMK dan pelbagai media sosial kini mengakibatkan komunikasi lisan dan bersemuka semakin berkurangan. Ibu bapa juga semakin sukar melibatkan diri dalam komunikasi bersama-sama anak mereka. Pada hari ini, segala maklumat dapat diperoleh dengan mudah dan pantas dengan hanya capaian di hujung jari. Perkembangan teknologi hari ini seperti jaringan Internet serta perkembangan TMK, segalanya menjadi amat mudah.

Setiap hari, teknologi komunikasi kian berkembang namun tidak selari dengan komunikasi secara bersemuka dengan masyarakat. Komunikasi secara bersemuka merupakan komunikasi yang berlaku antara dua orang individu atau lebih. Komunikasi ini juga dikenali sebagai komunikasi interpersonal dan berlaku disebabkan beberapa tujuan seperti untuk berkongsi maklumat, menyelesaikan masalah, memahami diri sendiri, serta mengukuhkan hubungan dengan orang lain.

Interaksi bersemuka antara ahli keluarga juga didapati semakin berkurangan dan mengakibatkan timbulnya jurang komunikasi. Hal ini sekali gus akan memberikan impak terhadap perhubungan kekeluargaan itu sendiri. Ekoran kurangnya interaksi secara bersemuka, kuranglah kasih sayang antara keluarga, sekali gus mengurangkan keberkesanan komunikasi.

Perunding Pediatrik dan Neonatologis, Dr. Muhammad Iqbal Muhammad Sarwar dalam media tempatan menjelaskan bahawa kanak-kanak yang sering bermain tablet dan telefon pintar akan berperwatakan lebih pendiam, kurang sabar, kurang berkomunikasi dengan orang lain dan perkembangan penguasaan bahasa yang lemah.

Dengan hanya menaip perkataan atau teks melalui SMS tidak mampu menggambarkan perasaan sebenar individu sekali gus akan dapat mengurangkan keberkesanan komunikasi. Penggunaan SMS dalam berkomunikasi ini perlulah dijadikan pilihan terakhir untuk berkomunikasi. Jika dilihat kembali dalam proses komunikasi, mesej bukan sahaja difahami, tetapi cara kita mengungkapkan

Interaksi bersemuka antara ahli keluarga juga didapati semakin berkurangan dan mengakibatkan timbulnya jurang komunikasi. Hal ini sekali gus akan memberikan impak terhadap perhubungan kekeluargaan itu sendiri.

mesej tersebut. Mesej merupakan inti pati dalam proses komunikasi dan penerima perlu mentafsirkannya mengikut persekitaran termasuk pengetahuan dan pengalaman mereka. Ekspresi muka penyampai, bahasa tubuh dan ton suara amat mempengaruhi mesej yang kita ingin sampaikan.

Walaupun dunia kini kian berkembang, namun kepentingan komunikasi bersemuka memang tidak dapat disangkal lagi. Sebagai contohnya, dalam keluarga, keakraban hubungan pasti akan lebih terasa apabila adanya komunikasi bersemuka. Keakraban dan kebahagiaan antara suami isteri pastinya akan lebih dirasai tatkala berkomunikasi secara bersemuka berbanding dengan komunikasi melalui alat peranti. Jika dilihat daripada perhubungan ibu bapa dan anak pula, komunikasi bersemuka sering digunakan untuk menjalankan aktiviti harian bersama-sama keluarga. Begitu juga bagi pekerja syarikat swasta dan awam yang sering mempraktikkan komunikasi bersemuka bagi meningkatkan imej syarikat.

Penggunaan peranti teknologi komunikasi, seperti telefon pintar, komputer riba, permainan video, dan peranti teknologi semakin hari semakin

menjadi kegunaan masyarakat kita terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Penggunaan jaringan Internet menerusi saluran media sosial yang terkenal, seperti Facebook, YouTube, Twitter, Instagram, Blog, WhatsApp, dan telegram menyebabkan saluran komunikasi secara bersemuka jarang-jarang digunakan. Kemajuan teknologi yang berkembang pesat di seluruh dunia mengakibatkan manusia dapat berkomunikasi dan berhubung di seluruh dunia dengan cepat dan pantas.

Penggunaan aplikasi WhatsApp merupakan satu daripada punca utama ke arah kurangnya penggunaan komunikasi bersemuka sekali gus mengurangkan interaksi sosial antara dua hala. Menurut Park (2005), dianggarkan purata remaja memeriksa telefon pintar mereka sebanyak 80 kali sehari. Hal ini sekali gus menjauhkan diri daripada ibu bapa dan ahli keluarga mereka. Ibu bapa pula memang tidak mampu mengawal pergerakan dan memantau segala aktiviti mereka di media sosial.

Dalam menangani isu ini, setiap pihak sama ada ibu bapa ataupun masyarakat perlulah mengambil langkah tertentu untuk mengurangkan penggunaan peranti telekomunikasi ini dalam kalangan keluarga. Sebagai ketua keluarga, ibu bapa perlulah mengawal penggunaan peranti dalam kalangan anak. Mereka perlulah menunjukkan contoh dan menjadi suri teladan kepada anak agar tidak menggunakan peranti ini sebagai sumber utama komunikasi. Selain itu, mereka juga perlulah mengawal dengan menetapkan masa-masa khas dan tertentu untuk menggunakan peranti dalam keluarga.

Namun jika alat peranti ini digunakan dengan bijak akan lebih memberikan manfaat daripada keburukan berkomunikasi antara dua hala. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Mac 2020 menjadi tanda aras bagi penggunaan alat peranti sebagai medan komunikasi.

Mengikut laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, ketika dunia kita dilanda COVID-19

baru-baru ini, penggunaan jalur lebar dan capaian Internet meningkat sebanyak 23.5 peratus pada minggu pertama PKP. Peningkatan ini dipengaruhi oleh rakyat Malaysia yang diarahkan supaya kekal di rumah dan alat peranti menjadi tali perhubungan telekomunikasi dengan keluarga dan rakan-rakan. Selain itu, dalam tempoh ini banyak syarikat swasta dan agensi kerajaan menggunakan persidangan video untuk urusan rasmi.

Begitu juga dalam sistem pembelajaran yang bergantung sepenuhnya pada alat peranti apabila semua sekolah diarahkan tidak beroperasi dalam tempoh PKP. Pelaksanaan ini bermula dengan mengiklankan penggunaan televisyen sebagai alat pembelajaran dan Internet sebagai sumber rujukan serta pembelajaran maya. Bukan setakat dalam pengajaran dan pendidikan sahaja, malah semua organisasi bergantung pada alat peranti untuk membuat perbincangan, mesyuarat dan sebagainya.

Keadaan ini menunjukkan alat peranti memainkan peranan penting untuk berkomunikasi, tetapi penggunaannya perlulah menepati masa, tempat dan tujuannya. Jika rakan yang hanya berada beberapa meter dari kita pun berkomunikasi dengan menggunakan alat peranti maka tindakan ini merupakan suatu tabiat yang perlu dihindari dan cubalah menggunakan komunikasi dua hala untuk menambahkan kemesraan.

Begitu juga, tukarlah sikap terlalu mementingkan alat peranti sehingga melupakan berkomunikasi bersama-sama ahli keluarga ketika berkumpul di dalam rumah yang sama. Tidak salah jika kita menggunakan alat peranti seperti telefon pintar sekali-skala, tetapi bukan sepenuhnya menumpukan kepada alatan tersebut. Contohnya, ayah dan ibu sebagai pemimpin dalam keluarga akan menentukan sikap anak mereka untuk berkomunikasi dengan mesra secara bersemuka atau tidak. Tunjukkan contoh teladan yang baik dengan berbicara bersama-sama anak dan mewujudkan rasa mereka paling disayangi dan bukannya alat peranti.

Wujudkan komunikasi mesra dua hala untuk melahirkan keluarga yang harmoni

dengan gelak tawa, tetapi bukan hanya ikon emoji orang ketawa yang dihantar melalui pesanan ringkas. Ibu bapa perlulah bijak memantau pergerakan kehidupan anak mereka dengan sekali-sekala melihat kandungan yang tertera dalam alat peranti mereka. Penggunaan teknologi moden dan alat peranti perlulah dihadkan penggunaannya tanpa mengorbankan masa bersama anak. Sentiasa amalkan komunikasi bersemuka dan dua hala agar perkongsian perasaan dan kasih sayang makin berkembang. Kembalikan juga waktu berkualiti dengan melakukan aktiviti luar bersama-sama keluarga.

Kawalan yang sistematik perlulah dilaksanakan agar dengan adanya telefon pintar misalnya, kita dapat berhubung dengan sahabat handai dan adik-beradik dengan lebih mudah seperti penggunaan panggilan video dapat menatap wajah mereka yang dirindukan. Namun demikian, jika disalah guna, alat peranti ini akan melalaikan kita. Keasyikan melayan pelbagai aplikasi ini mencipta jurang berkomunikasi secara bersemuka, mengabaikan mereka yang berada di hadapan kita, terlewat menunaikan solat, malah lambat melakukan tugas, dan pelbagai lagi.

Kewujudan pelbagai alat peranti yang berkembang pesat bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan ini pastinya menjadikan dunia semakin kecil dan berada di hujung jari. Alat peranti secara tidak sengaja membuatkan kita menjauhi orang yang terdekat. Kita terlalu asyik melayan mereka yang berada dalam talian lebih daripada mereka yang berada di

hadapan kita. Lama-kelamaan silaturahim antara orang yang terdekat menjadi semakin jauh dan renggang.

Disebabkan terlalu taasub dengan kecanggihan teknologi dan kewujudan alat peranti ini, bukan hanya golongan dewasa, pelajar sekolah dan kanak-kanak turut teruja menggunakannya untuk berkomunikasi. Orang yang di hadapan mata tidak lagi diendahkan, orang yang jauh di alam maya juga yang lebih diutamakan.

Selain itu, mungkin ada juga yang melabelkan kita sebagai seorang yang sombong apabila melihat kita asyik leka bersama alat peranti yang dimiliki. Sampaikan, mereka yang lalu-lalang di hadapan kita sama sekali tidak diendahkan. Kanak-kanak pula akan didapati kurang bersosial dan bergaul dengan orang lain secara berdepan kerana sentiasa bersama-sama alat peranti mereka. Hal ini sekali gus membantutkan perkembangan kemahiran sosial mereka.

Walaupun perkembangan TMK ini memudahkan proses komunikasi dan proses interaksi di seluruh dunia, hakikatnya kewujudan peranti komunikasi juga mampu melonggarkan ikatan kekeluargaan, yang jauh mulai dekat, namun yang dekat mulai jauh. Segalanya mula dilakukan secara dalam talian. Penggunaan alat peranti yang semakin kerap dalam kalangan anak akan mempengaruhi kestabilan keluarga. Kita sebagai manusia perlulah menjadi tuan kepada alatan teknologi dan peranti ini, bukannya menjadi hamba alat peranti. **PB**



**Ketepikan dahulu peranti pintar sementara waktu untuk mengekalkan hubungan yang mesra.**